

Perbincangan Intelektual Islam Platform Terbaik Dalam Hubungan Malaysia-Indonesia - Muhyiddin Bernama
12 Februari, 2013
Oleh Ahmad Fuad Yahya

JAKARTA, 12 Feb (Bernama) -- Perbincangan oleh tokoh-tokoh intelektual, politik, pegawai kanan kerajaan dan pemimpin pertubuhan Islam di Malaysia dan Indonesia adalah platform terbaik untuk meletakkan kesederhanaan sebagai satu prinsip penting dalam hubungan antara Malaysia dan Indonesia.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menegaskan perkara itu berkata peranan mengekalkan keamanan, kestabilan dan kerukunan dalam hubungan antara kedua-dua negara itu tidak hanya terletak di bahu kerajaan, tetapi juga digalas oleh individu dan masyarakat sivil.

"Saya berharap menerusi perbincangan sebegini, persefahaman dan kerjasama yang lebih mantap dapat dibentuk di peringkat individu dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia dan Indonesia.

"Dengan wujudnya persefahaman dan kerjasama di peringkat ini, maka saya percaya usaha kerajaan kedua-dua negara untuk terus mengekalkan hubungan yang harmonis dan mesra akan dapat dicapai," katanya semasa berucap pada forum meja bulat Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) di sini, Selasa.

Forum anjuran Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMMF) itu disertai sejumlah ahli akademik, tokoh politik, pegawai kanan kerajaan dan pertubuhan Islam dari Malaysia dan Indonesia, termasuk dari dua pertubuhan Islam terbesar di Indonesia iaitu Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama (NU).

Forum meja bulat itu sejajar dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mengasaskan penubuhan GMM sebagai satu gerakan mempromosi prinsip dan amalan kesederhanaan di peringkat global.

Muhyiddin berkata gerakan kesederhanaan yang melangkaui batas agama dan negara ini adalah satu pendekatan paling tepat untuk mengekang ancaman ekstremisme di peringkat antarabangsa, seterusnya mengekalkan keamanan dunia.

Najib semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global di Kuala Lumpur tahun lepas, menyatakan bahawa garis pemisah yang sebenar bukanlah antara masyarakat Islam dan bukan Islam, atau antara negara maju dan negara membangun, tetapi antara golongan moderat dan ekstremis.

Timbalan perdana menteri berharap GMMF dan Muhammadiyah dapat meneruskan dialog mengenai kesederhanaan, serta menjalin kerjasama untuk memperkukuh hubungan antara kedua-dua negara.

Semasa berdialog di forum itu, Muhyiddin mengumumkan untuk menyediakan peruntukan RM5 juta bagi menggerakkan program peringkat golongan muda Malaysia-Indonesia melalui kerjasama GMMF dan Muhammadiyah dalam kerangka meningkatkan hubungan yang lebih erat antara rakyat kedua-dua negara.

Beliau juga bersetuju agar institusi pendidikan Malaysia menjalin kerjasama dan

perkongsian kepakaran serta pengalaman dalam bidang pembangunan pendidikan dengan Muhammadiyah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927510>